

07/10/1997

Penghargaan untuk anggota PDRM

PENGIKTIRAFAN ... Sarjan Daniel Tung Choong Yoong, (tengah) dari Cawangan Perhubungan Awam Bukit Aman tersenyum apabila Sarjan Ramlee Khamis (dua dari kiri) dan rakan-rakan lain melihat sijil penghargaan yang diterimanya semalam.

Tung, 41, yang berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 21 tahun lalu menerima sijil yang ditandatangani Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor itu serta Pingat Negara Bangsa-Bangsa Bersatu (PNBB) dalam perhimpunan bulanan Jabatan Pengurusan di Bukit Aman, pagi semalam.

Sijil dan pingat itu disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pengurusan PDRM, Datuk Hassan Mutalib.

Beliau menerima sijil dan PNBB selepas bertugas selama setahun di Bosnia-Herzegovina bermula 20 Jun 1996 hingga 20 Jun lalu di bawah Pasukan Khas Polis Antarabangsa (IPTF).

Selama bertugas di sana, Tung ditempatkan di stesen IPTF di Prijedor, Banjaluka iaitu di kawasan sempadan Republika Srpska.

Tung yang menyifatkan sijil dan pingat itu amat berharga baginya, mengucapkan terima kasih kepada pengurusan PDRM kerana memberi peluang kepadanya bertugas di luar negara dan diberi pengiktirafan sewajarnya.

"Sebelum ini, saya ada menerima sijil penghargaan ketika bertugas iaitu tiga ketika bertugas di Pulau Pinang; satu dari Ketua Polis Daerah Cheras; satu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana bertugas ketika Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) dan dua dari Komander dan Ketua Stesen IPTF di Prijedor.

"Tetapi, yang saya terima hari ini paling bermakna dan manis sekali," katanya.

(END)